

Najib ucap tahniah atas kejayaan USIM

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana memenangi tiga anugerah tertinggi daripada Dewan Perniagaan Eropah (EBA).

Tiga anugerah tersebut ialah 'Best Regional University' dan 'Best Scientist 2013' manakala Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail sendiri diiktiraf sebagai 'Manager of The Year' di United Kingdom (UK), minggu lalu.

“Syabas USIM kerana menang tiga anugerah, antaranya Best Scien-



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

tist 2013 daripada Dewan Perniagaan Eropah,” kata Najib sebagaimana dipetik daripada laman Twitternya hari ini..

USIM menerima pengiktirafan itu berikutan peranan penting yang disumbangkan oleh univer-

siti tersebut dalam memperkasakan pendidikan Pengajian Islam di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).

Selain itu, USIM juga menunjukkan kecemerlangannya sebagai sebuah universiti Islam yang mempunyai kekuatan dalam bidang pengajian sains, perniagaan serta perubahan.

Antara sumbangan besar USIM adalah penghasilan kit "TYPHIDOT" bagi mengesan demam kepialu yang telah dipasarkan dengan meluas ke 18 buah negara terutamanya negara miskin dan membangun.